

27/01/2011/08/A14

Kontinjen SSIL muncul juara

LABUAN: Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) muncul juara Kejohanan Olahraga Kampus Antarabangsa Labuan (Kokal) ke-10 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang berlangsung di padang universiti itu pada 22-23 Januari lalu.

Naib johan kontinjen Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20) dan ketiga kontinjen Kewangan Islam (HE23).

Kontinjen lain yang menyertai kejohanan dua hari itu ialah Kewangan Antarabangsa (HE19), Ekonomi Kewangan Antarabangsa (HE22) dan Pemasaran Antarabangsa (HE21).

Sementara itu, atlet kontinjen Ekonomi Kewangan Antarabangsa (HE22), Deyl Melvin Raymond muncul Olahragawan selepas memperolehi dua emas melalui acara 200 meter dan 4 X 400m, 1 perak 4 X 100m dan 1 gangsa 100 meter.

Olahragawati 2011 pula dimenangi oleh atlet SSIL, Ratna Umar selepas meraih 6 emas melalui acara lompat jauh, lompat kijang, 100m, 400m, 4X100m dan 4X400 meter.

Johan dan naib johan bagi setiap acara akan mewakili UMS-KAL ke Kejohanan Olahraga Antara Sekolah UMS di Stadium UMS, Kota Kinabalu pada 11-13 Februari depan.

Majlis perasmian penutupan

dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil, Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMS, Azman Soibah dan Pengarah Program, Norfarhana Mohamed Yusup.

Dalam ucapannya, Dr Shariff berkata padang UMS-KAL akan dinaiktaraf dalam tahun ini untuk memastikan pelbagai aktiviti sukan termasuk kejohanan olahraga akan dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi keselesaan kepada pelajar dan kakitangan.

Katanya, pengurusan universiti sentiasa berusaha untuk memastikan pelajar



KAMI JUARA!!!...Kontinjen SSIL muncul juara Kejohanan Olahraga UMS-KAL 2011.



KEDUA... Naib johan Kokal 2011 dimenangi pasukan HE20.

(bawah) BANGGA... Dr Shariff (3 kanan) bersama Olahragawan dan Olahragawati UMS-KAL 2011.



KETIGA...Kontinjen HE23 menduduki tempat ketiga.

(bawah) BERJAYA... Ahli Jawatankuasa Penganjur gembira Kejohanan Olahraga UMS-KAL 2011 berjalan lancar.



dan kakitangan diberi peluang untuk mewakili UMS ke kejohanan sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

"Bagaimanapun pelajar dan kakitangan wajar menjalani latihan lebih serius agar hasrat untuk melahirkan lebih ramai atlet berwibawa yang mampu mewakili negara dan UMS akan tercapai pada masa akan datang," katanya.

Dr Shariff juga berharap atlet yang dipilih akan menjalani latihan dengan lebih gigih untuk menghadapi saingan yang lebih mencabar di Kota Kinabalu bulan depan.